



50 PKS dipilih

2010/04/28

Pengerusinya, Tan Sri Ahmad Zaharudin Idrus, berkata PKS dengan latar belakang sesuai dan mempunyai potensi bagi teknologi biomass untuk pengkomersialan akan dibimbing dengan pembangunan kapasiti yang relevan dan pembiayaan seperti geran, pinjaman faedah rendah dan modal teroka.

“Pada 2012, kami merancang membawa 50 syarikat Kesatuan Eropah (EU) meneroka peluang teknologi biomass dan kerjasama perniagaan dengan syarikat biomass tempatan,” katanya pada Forum Pemegang Kepentingan Biomass EU-Malaysia di Kuala Lumpur.

Projek Biomass-SP adalah usaha sama yang dibiayai EU dan sebanyak 1.8 juta euro sudah disumbangkan untuk tempoh empat tahun.

Katanya, projek itu akan memberi sokongan kepada PKS untuk melaksanakan amalan pengeluaran mampan dalam aktiviti mereka seperti dalam pengurusan alam sekitar, mekanisme pembangunan bersih dan pengurangan karbon.

“Ini akan memberikan PKS kelebihan yang diperlukan untuk membangun dan cemerlang dalam bidang biomass tempatan dan antarabangsa,” katanya. Menurutnya, Malaysia mengeluarkan jumlah minimum 168 juta tan metrik biomass termasuk sisa balak dan minyak sawit, sekam padi, serat batang kelapa, sisa buangan perbandaran dan sisa tebu setiap tahun.

“Potensi penuh pengkomersialan biomass masih belum digunakan sepenuhnya,” katanya.

Katanya, biomass mempunyai potensi yang baik untuk digunakan dalam pembuatan barangan eko bernilai tambah seperti plastik-bio, baja-bio, bahan pembinaan hijau serta perabot. - Bernama

Hubungi bahagian pengiklanan kami untuk tujuan pengiklanan dan tajaan di dalam Harian Metro Online .
© Hak cipta terpelihara The New Straits Times Press (M) Berhad